



GENERASI Y MEMINGGIRKAN BAHASA MELAYU?

Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda yang sinonim dengan julukan generasi Y menjadi isu yang sangat penting untuk dipertanyakan. Sejauh mana mereka dapat mencerna dan memahami ilmu? Dalam konteks bahasa Melayu, apakah nasib bahasa itu pada masa hadapan? Inilah antara kebimbangan dan persoalan yang berlegar dalam minda kita hari ini.

Generasi Y generasi pelapis negara. Di tangan merekalah terletak masa hadapan bahasa dan kemurniannya. Andainya sikap tidak sayang akan bahasa wujud dalam jiwa mereka, maka sudah pasti bahasa Melayu akan pupus suatu hari nanti. Bahasa Melayu tidak lagi akan dituturkan malah bahasa lain akan mengambil tempat di negara ini.

Kebimbangan masyarakat tentang isu ini ada asasnya apabila kajian Mercator Research Centre dan The Fryske Academy pada tahun 2014 di Belanda mendapati penggunaan bahasa standard makin merosot dalam kalangan generasi Y. Menerusi kajian yang dijalankan terhadap 2000 pelajar berusia antara 14 tahun hingga 18 tahun mendapati mereka lebih menggemari penggunaan bahasa ringkas, terutama apabila berkomunikasi menggunakan aplikasi WhatsApp (95 peratus), Facebook (86 peratus) dan Twitter (76 peratus). Penggunaan bahasa yang tidak menepati piawai menyebabkan kelangsungan bahasa sukar dipertahankan dan lebih buruk lagi menyebabkan kepupusan perkataan.

Dalam hal ini, mengapa generasi Y bersikap sambil lewa terhadap usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan? Mereka seolah-olah tidak peka terhadap senario arus globalisasi kini yang sedikit banyak menggoyahkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Terbukti bahawa sebahagian besar generasi Y yang berbangsa Melayu cenderung menggunakan bahasa Inggeris dalam komunikasi harian berbanding dengan bahasa Melayu. Dalam kes ini, dapat dicerminkan bahawa jika penutur bahasa mempunyai sikap cinta dan bangga terhadap bahasa, secara tidak langsung individu tersebut cenderung untuk memilih bahasa yang dicintainya dan berupaya untuk menguasainya. Oleh sebab itu, faktor sikap memainkan peranan yang penting untuk membangunkan sesuatu bahasa.

Menurut Coulmas, model umum perancangan bahasa, khususnya tentang masa hadapan pilihan bahasa oleh penuturnya, sukar diwujudkan. Perancangan bahasa pada masa hadapan ternyata rumit kerana tidak ditentukan oleh undang-undang alam,



Sekilas pandang, penggunaan bahasa yang cacamarba tidak mencatatkan fungsi dan kemurnian bahasa secara keseluruhannya, namun hal yang sedemikian akan meninggalkan kesan membimbangkan pada jangka panjang. Jika tidak ditangani dengan kaedah yang sesuai, dikhawatiri bahasa yang cacamarba ini akan menenggelamkan peranan bahasa standard dalam kehidupan harian.



tetapi dipengaruhi oleh proses sosial yang melibatkan pelbagai faktor seperti perkembangan maklumat dan teknologi serta pergolakan politik, ekonomi, dan sosial budaya. Di samping faktor lain yang juga terkenal sukar, iaitu struktur intrinsik daripada bahasa itu sendiri. Antara usaha perancangan bahasa yang dianggap paling penting serta memerlukan upaya yang lebih serius termasuklah peningkatan kesedaran masyarakat terhadap pilihan bahasa tersebut, iaitu kesedaran yang berkaitan dengan sikap bahasa penuturnya. Sikap terbahagi kepada tiga ciri utama, iaitu kesetiaan terhadap bahasa, kebanggaan terhadap bahasa, dan kesedaran akan adanya norma bahasa.

Sejak ledakan media sosial kira-kira sedekad lalu, penyalahgunaan bahasa menerusi medium itu makin ketara dan membimbangkan. Penggunaan bahasa rojak serta istilah dan singkatan ciptaan sendiri makin mendominasi kehidupan masyarakat, sekali gus mengetepikan kepentingan penggunaan bahasa standard, terutama dalam kalangan generasi Y yang bergelar pelajar.

Sekilas pandang, penggunaan bahasa yang cacamarba tidak mencacatkan fungsi dan kemurnian bahasa secara keseluruhannya, namun hal yang sedemikian akan meninggalkan kesan membimbangkan pada jangka panjang. Jika tidak ditangani dengan kaedah yang sesuai, dikhawatiri bahasa yang cacamarba ini akan menenggelamkan peranan bahasa standard dalam kehidupan harian.

Walaupun banyak pihak melihat isu penyalahgunaan bahasa dalam media sosial bukan sesuatu yang serius, hal yang sedemikian ini masih mampu mendatangkan kesan yang membimbangkan. Generasi Y yang sebahagian besarnya pelajar menggunakan bahasa ciptaan sendiri yang lintang-pukang ketika berkomunikasi melalui media sosial. Hal yang sedemikian ini memberi kesan negatif, terutama jika mereka terikut-ikuk menggunakannya dalam peperiksaan penting.

Kita harus sedar bahawa untuk membina kefahaman generasi Y berkaitan dengan sesuatu perkara, usaha tersebut dapat diumpamakan sebagai membina bangunan. Pertamanya, pembinaan cerucuk serta tiang yang menjadi asas keteguhan bangunan tersebut. Tiang merujuk asas kemahiran berbahasa yang dimiliki oleh generasi Y. Kemudian, barulah dibina bahagian lain seperti dinding, iaitu pembelajaran mata pelajaran lain, seperti Matematik, Sains, Geografi, Fizik dan Kimia yang bersandarkan asas kemahiran berbahasa tersebut, iaitu tiang bangunan yang terbina.

Tiang yang dibina terlebih dahulu menjadi panduan serta sandaran pada pembinaan dinding yang menyusul kemudiannya. Andainya dibina seiring, tiang belum tentu sempurna dan dinding yang terbina belum tentu kukuh atau tegak berdiri.

Kemahiran berbahasa Melayu diumpamakan seperti tiang kepintaran yang terbina dalam diri generasi Y. Tiang kepintaran tersebutlah yang perlu disandarkan apabila kita memperkenalkan asas ilmu kepada mereka. Andainya kita baru hendak membina tiang kepintaran yang baharu, iaitu kemahiran berbahasa kedua dan serentak dengan itu tiang kepintaran yang disandarkan untuk menyampaikan asas ilmu, maka ditakuti kelak bahasa yang diajar itu masih goyah dan asas ilmu pula tidak kesampaian.

Menurut Sugiyono, semakin bermaruah sesuatu bahasa, semakin tinggi kesetiaan penutur terhadapnya. Penutur yang setia terhadap sesuatu akan melakukan apa-apa sahaja untuk mempertahankan bahasa tersebut, sedangkan penutur yang antipati terhadap sesuatu bahasa akan membiarkan bahasanya beralih, malah merosakkan bahasa tersebut.

Generasi Y di negara ini perlu menguasai asas bahasa Melayu meskipun perubahan dunia menyebabkan perubahan pada gaya berbahasa dalam kehidupan harian masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu merupakan sebahagian jati diri rakyat Malaysia yang perlu terus dimartabatkan. Kebolehan berbahasa Melayu dalam kalangan generasi Y adalah rendah disebabkan mereka terdedah terhadap ledakan maklumat yang menggunakan pelbagai bahasa campuran, sekali gus memberikan kesan pada struktur bahasa-Melayu.

Fleksibiliti dalam berbahasa itu-sememangnya penting kerana kita perlu mengikut peredaran zaman, namun dalam penyampaian gaya bahasa, usah dilupakan asas perbahasaan. Kebolehan dan

TODAY

Ass wrwb, pa kbr semuA..sht sht,aja
kann...dah pd buka puasa
blm...disn msh 4 jam lg.

Si..design oK, t4 jg Ok..lo tgl acc
doang itu.

Reply AsAp ktnya.

20:53 ✓

Jagalah kemurnian bahasa Melayu semasa berkomunikasi melalui aplikasi yang tersedia dalam telefon pintar.

“Sepatutnya, generasi Y menjwai bahasa Melayu supaya wujud rasa kecintaan terhadap bahasa kebangsaan itu serta memastikannya terus dimartabatkan. Sikap golongan generasi Y pada masa ini seolah-olah tidak ambil peduli untuk mempelajari bahasa Melayu dengan baik kecuali di sekolah. Mereka juga tidak lagi mempelajari seni keindahan bahasa Melayu, seperti seloka, nazam, gurindam, pantun dan syair, malah seolah-olah dilupakan.”

kemampuan berbahasa Melayu dengan baik juga membantu menyerlahkan penampilan dan kredibiliti seseorang individu.

Pensyarah bahasa, Prof. Madya Mohd Shah Ashaari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) mendakwa tidak memahami perkataan yang ditulis oleh pelajarinya kerana bahasa yang digunakan itu tidak menyerupai bahasa Melayu yang biasa. Katanya, budaya bahasa dalam media sosial mempengaruhi pengguna komputer dan telefon pintar hingga melahirkan generasi yang amat gemar berkomunikasi melalui cara ini, kononnya lebih cepat, ringkas dan canggih. Beliau turut melahirkan kerisauan apabila penggunaan bahasa Melayu tidak murni, ejaan tidak betul serta sifat bahasa yang terlalu ringkas sehingga melanggar kemurnian dan keaslian bahasa itu.

Sepatutnya, generasi Y menjwai bahasa Melayu supaya wujud rasa kecintaan terhadap bahasa kebangsaan itu serta memastikannya terus dimartabatkan. Sikap

golongan generasi Y pada masa ini seolah-olah tidak ambil peduli untuk mempelajari bahasa Melayu dengan baik kecuali di sekolah. Mereka juga tidak lagi mempelajari seni keindahan bahasa Melayu, seperti seloka, nazam, gurindam, pantun dan syair, malah seolah-olah dilupakan. Tidak banyak anak muda yang menggunakan bahasa Melayu dengan baik apatah lagi untuk menghayati dan memahaminya.

Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Sharil Nizam Sha'ri juga sependapat bahawa penggunaan bahasa yang tidak mengikut penggunaan standard dalam kalangan generasi Y bukan sahaja merosakkan nilai dan kemurnian bahasa, malah dikhuatiri menghakis jati diri masyarakat secara perlahan-lahan.

Menurut beliau, fungsi bahasa sebagai medium komunikasi merupakan fungsi terbesar dalam kehidupan manusia yang membantu individu atau masyarakat untuk memahami maksud sesuatu interaksi. Penggunaan bahasa yang cacambara yang sering digunakan oleh generasi Y menambahkan kecelaruan fungsi bahasa sebagai medium komunikasi.

Oleh sebab itu, usaha lebih berkesan perlu dilaksanakan pada peringkat kerajaan, institusi bahasa, sekolah, kolej, universiti dan orang ramai bagi mengubah keadaan ini. Pelbagai kegiatan kebahasaan yang sesuai dengan generasi Y bukan sahaja pada peringkat sekolah, tetapi segenap lapisan masyarakat perlu diperkenalkan supaya bahasa ini terus berkembang.

Memang diakui bahawa generasi Y lebih cenderung menggunakan bahasa yang rancu, terutama apabila berkomunikasi menggunakan telefon bimbit yang menyediakan aplikasi mudah dan pantas untuk menyampaikan mesej. Namun demikian, janganlah terbawa-bawa cara komunikasi yang sedemikian semasa berada dalam situasi urusan rasmi dan gunalah bahasa yang standard dan betul seperti yang dipelajari di sekolah. Kita faham bahawa kerancuan bahasa ini berlaku disebabkan peredaran masa, perubahan masyarakat dan pemodenan zaman yang menyebabkan bentuk komunikasi generasi hari ini sangat berbeza daripada dahulu.

Evolusi perubahan bahasa sentiasa berlaku dan hal yang sedemikian bukanlah suatu kesalahan. Namun begitu, dikhuatiri mutu bahasa Melayu generasi Y semakin menurun disebabkan pengaruh sekelliling. Oleh itu, perjuangan memartabatkan bahasa Melayu perlu digiatkan supaya bahasa itu tidak pupus ditelan zaman. **FB**